

03/05/1999

FDAM contohi sikap Perdana Menteri

Zainuri Misfar

PERSATUAN Sutradara Filem Malaysia (FDAM) mahu mengikut cara pemerintahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu bersuara lantang dan agresif walaupun hanya memimpin sebuah negara kecil.

Itulah ucapan Anwardi Jamil yang dipilih sebagai Presiden FDAM bagi penggal 1999/2001 dalam mesyuarat agung kali kelima di Rumah Pena, Kuala Lumpur.

"Kalau boleh saya nak ikut cara PM (Perdana Menteri). Walaupun negara kecil tapi suaranya lantang.

"Begitulah dengan FDAM. Walaupun hanya sebuah persatuan kecil tetapi saya mahu bersuara lantang. Tapi untuk mencapai tahap itu, saya perlukan sokongan daripada semua ahli.

"Hanya sokongan daripada ahli saja yang dapat menentukan kekuatan persatuan kita ini," katanya selepas dipilih menjadi presiden.

Anwardi berkata ahli FDAM juga mesti peka dengan perkembangan teknologi maklumat (IT) bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam setiap bidang yang kini semakin canggih.

"Saya berpendapat setiap ahli sekurang-kurangnya mempunyai alamat e-mail sendiri. Lagi apabila masing-masing sudah ada e-mail, senang untuk kita berhubung antara satu sama lain.

"Kesukaran untuk kita memberikan maklumat mengenai perkembangan persatuan ialah ada antara ahli yang tidak dapat dihubungi kerana pindah alamat dan sebagainya," katanya.

FDAM akan mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua bulan di Rumah Pena, Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur.

Itulah antara rancangan pertama presiden baru FDAM, Anwardi Jamil yang berasakan ia perlu dilakukan bagi mengukuhkan perpaduan di kalangan ahli persatuan itu.

Terdahulu dalam mesyuarat pemilihan, Anwardi dicalonkan sebagai Presiden oleh Shuhaimi Baba menerima 12 undi berbanding saingannya, Nurhalim Ismail yang mendapat 10 undi. Dua undi rosak dan satu tidak mengundi. Hanya 25 ahli yang hadir pada mesyuarat itu yang mengundi.

Ahli yang hadir kemudian sebulat suara memilih Nurhalim sebagai Timbalan Presiden. Sementara itu, Shuhaimi pula dipilih sebagai Bendahari walaupun pada mula dia menarik diri apabila namanya dicalonkan atas alasan mempunyai jawatan dalam persatuan lain. Namun alasan itu tidak diterima oleh ahli.

Proses pemilihan bagi jawatan Ahli Jawatankuasa pula agak menarik. Ini kerana setiap ahli secara sukarela boleh melantik dirinya untuk menjadi calon AJK. Sepuluh orang menawarkan diri secara sukarela iaitu Arif Ahmad, Tony Francis Gitom, Mohd Yusof Mohamed, Roslan Madun, Hassan Mutalib, Aida Fitri, Nordin Wahad, Jamaludin Kadir dan Roslan Hussin.

Selepas pengundian dilakukan, lima yang terpilih menjadi AJK FDAM 1999/2001 ialah Mohd Yusof, Aida Fitri, Tony Francis, Hassan dan Roslan Madun. Roslan Hussin pula dipilih sebagai pemeriksa kira-kira.

Apabila mesyuarat selesai, Presiden FDAM, Anwardi kemudian melantik tiga AJK dengan serta merta iaitu Jamaludin Kadir, Roslan Hussin dan Ahmad Ibrahim. Bagaimanapun, pelantikan jawatan Setiausaha Kehormat akan dilakukan dalam mesyuarat AJK baru FDAM.

Anwardi berkata selaras dengan hasrat untuk mengukuhkan perpaduan dikalangan ahli FDAM, dia merancang untuk mengadakan majlis pertemuan

sekurang-kurangnya sekali dalam dua bulan di Rumah Pena.

"Pada pertemuan itu nanti, setiap ahli dapat bertukar-tukar fikiran selain mendapatkan maklumat serta perkembangan terkini antara satu sama lain," katanya.

(END)